Latar Belakang Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

1 Jawatankuasa berikut ditubuhkan pada bulan Julai 1946. (BUKU TEKS 126)

Jawatankuasa	Matlamat
X	Membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Apakah X?
A Jawatankuasa Kerja
B Jawatankuasa Rakyat
C Jawatankuasa Eksekutif
D Jawatankuasa Perlembagaan

2 Senarai berikut merupakan anggota Jawatankuasa Kerja. (BUKU TEKS 126)

- Wakil Raja-raja Melayu
- Wakil UMNO
- Pegawai kanan British

Mengapakah jawatankuasa tersebut ditubuhkan?
A Mengkaji isi kandungan Perlembagaan Rayat
B Membincangkan kemerdekaan Tanah Melayu
C Memujuk penduduk menerima Malayan Union
D Merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

3 Antara berikut, yang manakah merupakan cadangan daripada Jawatankuasa Kerja? (BUKU TEKS 127)
I Seluruh Tanah Melayu dimerdekakan
II Syarat kewarganegaraan dilonggarkan
III Kedudukan Raja-raja Melayu dipulihkan
IV Kedudukan istimewa orang Melayu dipelihara
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

4 Rajah berikut berkait dengan sistem pentadbiran di negara kita. (BUKU TEKS 126)

X
↓
Gabungan beberapa buah negeri di bawah satu unit pentadbiran.

Apakah X?
A Persekutuan
B Wawasan
C Gagasan
D Ikatan

5 Antara berikut, yang manakah merupakan wakil Raja-raja Melayu yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Kerja? (BUKU TEKS 127)
I Dato' Onn Jaafar
II Dato' Hamzah Abdullah
III Dato' Nik Ahmad Kamil Mahmud
IV Dato' Abdul Rahman Mohd Yassin
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

6 Maklumat berikut merujuk kepada pertubuhan Melayu di Tanah Melayu. (BUKU TEKS 128)

Pertubuhan	Pemimpin
Gerakan Angkatan Muda	Aziz Ishak
Hizbul Muslimin	Abu Bakar al-Baqir

Apakah persamaan antara pertubuhan tersebut
A Menuntut pilihan raya umum
B Membentuk perpaduan kaum
C Menyekat kemasukan imigran
D Menolak perjanjian persekutuan

LIVEWORKSHEETS